

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS IFTAR ANGKASA BERSAMA WARGA
KOPERASI KELAINAN UPAYA – JKAN
TERENGGANU**

1 MAC 2026 (AHAD)

6.15 PETANG

**SEMARAK GOLDEN HALL, KUALA
TERENGGANU, TERENGGANU**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi.

(SALUTASI)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Iftar ANGKASA bersama warga Koperasi Kelainan Upaya – JKAN Terengganu dalam bulan yang penuh kemuliaan ini.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) Terengganu dan pengerusinya, Tn. Hj. Mohamed Yusof atas komitmen menganjurkan majlis pada petang ini. Program seperti ini bukan sahaja mengeratkan silaturahim, malah membuktikan bahawa gerakan koperasi sentiasa mendukung nilai kebersamaan dan inklusiviti.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

3. Ramadan adalah bulan yang mendidik jiwa tentang kesabaran,

keinsafan dan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan. Dalam konteks gerakan koperasi, nilai-nilai ini amat selari dengan prinsip koperasi yang menekankan keadilan sosial, kesaksamaan dan kebajikan anggota.

4. ANGKASA sentiasa komited memastikan gerakan koperasi bersifat inklusif dan tidak meminggirkan mana-mana golongan, termasuk warga kelainan upaya. Kita percaya bahawa setiap individu mempunyai potensi dan keupayaan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial sekiranya diberikan peluang serta sokongan yang sewajarnya.

5. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga Jun 2025 terdapat 25 buah koperasi Orang Kelainan Upaya (OKU) di seluruh negara dengan penyertaan anggota sebanyak 863 individu, syer/yuran

sebanyak RM0.23 Juta, Aset sebanyak RM1.76 juta dan perolehan sebanyak RM70,000.

6. Walaupun jumlahnya masih kecil berbanding keseluruhan koperasi di Malaysia, sumbangan golongan ini dalam memperkasa ekonomi anggota dan komuniti amat signifikan dan mempunyai potensi besar untuk terus berkembang.
7. Justeru, ANGKASA sentiasa memberi perhatian kepada koperasi dalam kalangan warga OKU, termasuk menyediakan bimbingan perniagaan, khidmat nasihat tadbir urus serta membantu memperluas jaringan pasaran agar koperasi-koperasi ini mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan koperasi lain.
8. Kita mahu melihat koperasi kelainan upaya bukan sekadar

bergantung kepada bantuan sematamata, tetapi mampu menjadi entiti perniagaan yang berdaya maju, menjana pendapatan sendiri dan meningkatkan taraf hidup anggota secara berterusan.

9. Dalam hal ini sokongan daripada agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat amat penting bagi memastikan koperasi kelainan upaya terus berkembang secara mampan dan berdaya saing. Pembangunan yang inklusif hanya akan tercapai apabila semua pihak memainkan peranan masing-masing.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

10. ANGKASA akan terus memainkan peranan sebagai badan apeks gerakan koperasi negara dengan memperjuangkan kepentingan koperasi secara menyeluruh termasuk koperasi dalam kalangan komuniti

OKU agar tiada yang tercicir dalam arus pembangunan ekonomi negara.

11. Majlis iftar pada hari merupakan simbol solidariti dan penghargaan terhadap sumbangan warga kelainan upaya dalam gerakan koperasi. Kehadiran kita pada hari ini membuktikan bahawa kita adalah satu keluarga besar yang saling menyokong dan menghargai antara satu sama lain.
12. Saya berharap agar momentum kebersamaan ini dapat diteruskan melalui lebih banyak program pemerkasaan ekonomi yang memberi manfaat langsung kepada anggota koperasi kelainan upaya.
13. Semoga Ramadan kali ini menjadi titik tolak untuk kita memperbaharui azam, memperkukuh keikhlasan dalam berkhidmat dan meningkatkan

komitmen dalam memartabatkan koperasi sebagai wadah pembangunan ekonomi yang adil, inklusif dan berteraskan nilai.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Iftar ANGKASA bersama warga Koperasi Kelainan Upaya – JKAN Terengganu.

Sekian, terima kasih.
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Koperasi.